



TERSANGKUT...kenderaan yang terkandas di Jalan Pintasan Kuantan-Pelabuhan berhampiran susur keluar ke Jalan Kuantan-Jabor dan Sungai Karang, semalam.

Jalan dilimpahi air

KUANTAN: Hujan berterusan sejak kelmarin menyebabkan Jalan Pintasan Kuantan-Pelabuhan berhampiran susur keluar Jalan Kuantan-Jabor dan Sungai Karang, di sini, dilimpahi air setinggi kira-kira 0.6 meter, sekali gus menghalang laluan kenderaan terutama kenderaan ringan.

Kejadian itu didakwa berpunca tindakan pihak terbabit yang menimbus tanah di kawasan paya berhampiran bagi projek pelupusan sampah menyebabkan laluan air terhalang dan melimpah ke jalan.

Tinjauan Harian Metro ke lokasi berkenaan mendapati beberapa kereta dan motosikal tersangkut di laluan terbabit yang hanya dibuka kepada kenderaan berat, malah pihak berwajib meletakkan papan tanda penutupan sementara di jalan berkenaan.

Bagaimanapun, segelintir pemandu kenderaan kecil cuba mengharung limpahan air berkenaan hingga beberapa kereta rosak selepas berbuat demikian dan terpaksa ditolak.

Pengguna, Zainudin Md Nor, 55, berkata kejadian itu kali kedua berlaku dalam tempoh seminggu lalu.

“Sebelum ini, jalan itu selalu dilimpahi air terutama ketika hujan lebat, namun air hanya mengalir membolehkan kenderaan melalui jalan berkenaan, namun kini air yang melimpah ke atas jalan tidak dapat mengalir berikutan kawasan paya berhampiran ditimbus.

“Jalan berkenaan laluan utama ke pusat bandar dan kawasan perindustrian Gebeng, di sini, selain ke beberapa lokasi utama termasuk kawasan pelancongan Cherating, namun berikutan kejadian itu, kami terpaksa

melalui Jalan Sungai Ular untuk ke pusat bandar atau kawasan perindustrian Gebeng walaupun jaraknya kira-kira 25 kilometer lebih jauh,” katanya ketika ditemui, semalam.

Bagaimanapun, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Datuk Zulkifli Yaacob, menafikan kejadian terbabit berpunca daripada kerja penimbunan tanah berhampiran kawasan pelupusan sampah berkenaan, sebaliknya disebabkan beberapa faktor lain.

“Sebelum ini, kami mendapat permintaan pengusaha industri di kawasan perindustrian Gebeng bagi melaksanakan kerja pembersihan ‘longkang monsun’ untuk membolehkan air di kawasan terbabit mengalir lancar dan melalui kekotak pembetung di kawasan berhampiran,” katanya ketika dihubungi.